

e-Buletin JSKM

EDISI
APRIL
2026

INFORMASI • INSPIRASI • IMPIAN



Menyemai Harapan,

MENYANTUNI PEJUANG KECIL

Menghubungkan ilmu, empati dan tanggungjawab sosial dalam menyantuni kanak-kanak pesakit kanser.

“ Saya percaya bahawa ilmu akan lebih bermakna apabila ia mampu menyentuh kehidupan dan membawa harapan kepada mereka yang memerlukan. ”

- Siti Asmah Mohamed -

MAJLIS
APRESIASI JSKM
2026

RAFAH YANG
DIRATAH TIDAK
PERNAH PUNAH

MENELUSURI
PASIR DAN
KABUS BROMO

Laporan

Puisi

Perkongsian

eISSN 2637-0077



9 772637 007004

JEJAK KENANGAN DI PULAU MUTIARA : : : : : BERSAMA KELUARGA

TS. AZLINA MOHD MYDIN

Pada hujung minggu, 8 Febuari 2026, saya bersama adik dan kakak saudara telah merancang untuk berjalan-jalan mengelilingi Pulau Pinang. Perjalanan ini menjadi kenangan manis kerana kami dapat meluangkan masa bersama sambil menikmati keindahan pulau tersebut.

Kami bermalam di Lexis Suites Penang yang terletak berhampiran pantai. Suasana hotel yang selesa dan pemandangan laut yang indah benar-benar menenangkan fikiran. Pada keesokan harinya, selepas selesai urusan daftar keluar, kami meneruskan perjalanan dengan menaiki kereta menuju ke Teluk Bahang.



Perjalanan ke Teluk Bahang agak mencabar kerana keadaan jalan yang sempit dan berliku-liku. Kakak saudara saya memandu dengan penuh berhati-hati dan cekap walaupun terdapat beberapa kawasan yang masih dalam pembinaan jalan. Laluan yang berpusing-pusing itu benar-benar menguji kemahiran beliau sebagai pemandu, namun semuanya berjalan lancar.





Kami tiba di Kilang Batik Teluk Bahang pada jam 12.15 tengah hari. Setibanya di sana, kami menempah lawatan percuma untuk melihat proses pembuatan batik. Memandangkan hari tersebut adalah hari Ahad dan hanya beberapa orang pekerja yang bertugas, pegawai yang mengendalikan lawatan memberikan penerangan yang sangat lengkap dan jelas. Sepanjang lawatan selama kira-kira 30 minit itu, kami berpeluang melihat sendiri cara pekerja melukis corak dan mencanting batik dengan penuh teliti dan kreatif. Kami juga dapat memahami proses mewarna dan menghasilkan kain batik yang cantik serta unik. Pengalaman ini sangat menarik kerana sebelum ini saya hanya melihat batik yang telah siap dijual tanpa mengetahui proses pembuatannya.

Selepas tamat lawatan, kami singgah di kedai cenderamata yang terdapat di kilang tersebut. Terdapat pelbagai barangan menarik seperti kain batik, pakaian, dan aksesori sebagai kenangan. Lawatan ini bukan sahaja menambah pengetahuan kami tentang seni batik, malah mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan antara saya, adik dan kakak saudara.

Sesungguhnya, perjalanan singkat ini memberikan pengalaman yang bermakna dan sukar dilupakan.





اَبُو بَكْرٍ مَرْكُوبٌ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077



9 772637007004